Kenyataan Media

PELAKSANAAN PROGRAM MCMC MICROSOFT AI TEACH PERKUKUH AGENDA PEMBANGUNAN KEPAKARAN DIGITAL DI SARAWAK

KUCHING, 27 April 2025 – Usaha memperkasa masyarakat Sarawak dalam bidang teknologi diteruskan dengan pelaksanaan Program MCMC Microsoft AI TEACH, yang membuka lembaran baharu dalam agenda pembangunan kepakaran digital di negeri berkenaan.

Program anjuran MCMC dengan kerjasama dan sokongan dari Microsoft Malaysia serta rakan strategik seperti Centre for Technology Excellence Sarawak (CENTEXS), Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), dan Biji-biji Initiative itu akan memberi fokus kepada penguasaan kemahiran asas Kecerdasan Buatan (AI), kefahaman mengenai etika penggunaan teknologi dan penerapan kemahiran praktikal sebagai persiapan menghadapi keperluan pasaran kerja yang semakin mencabar dan berasaskan teknologi.

Program berkenaan adalah sejajar dengan aspirasi Sarawak Digital Economy Blueprint 2030, yang memberi tumpuan kepada pemerkasaan rakyat melalui pendidikan digital, pembangunan bakat teknologi, dan peluasan peluang ekonomi berasaskan digital, sekali gus menjadikan Sarawak sebuah negeri berdaya saing di peringkat serantau dengan masyarakat yang bersedia menghadapi era digital secara inklusif.

Majlis pelancaran Program MCMC Microsoft AI TEACH di Sarawak telah disempurnakan oleh Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak, Dato' Sri Haji Julaihi bin Haji Narawi.

Berlangsung selama dua hari, program ini dilaksanakan secara fizikal dan hibrid di beberapa lokasi terpilih termasuk CENTEXS sebagai lokasi utama pelaksanaan, di samping enam lokasi SDEC Digital Innovation Hub di seluruh Sarawak – termasuk Serian, Sri Aman, Sibu, Kapit, Mukah dan Lawas. 15 Pusat NADI turut diaktifkan bagi memastikan capaian lebih meluas kepada komuniti luar bandar (senarai NADI seperti di lampiran).

Setakat Disember 2024, seramai 37% daripada keseluruhan peserta yang terlibat dalam inisiatif padanan pekerjaan berjaya memperoleh penempatan pekerjaan melalui kerjasama strategik bersama PERKESO. Kejayaan ini direalisasikan

menerusi penggunaan platform MyFutureJobs, yang menyediakan peluang pekerjaan relevan serta bimbingan kerjaya disesuaikan dengan kemahiran dan minat peserta.

Sejak dilancarkan secara rintis pada Jun 2024, Program MCMC Microsoft AI TEACH telah berjaya melatih lebih 2,000 individu merangkumi pelbagai latar belakang khususnya golongan rentan. Terdahulu, program MCMC Microsoft AI TEACH telah dilaksanakan di lapan (8) negeri/wilayah di seluruh Malaysia, antaranya Kuala Lumpur, Perak, Pulau Pinang, Melaka, Selangor, Negeri Sembilan, Johor termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

Pelaksanaan program diperluaskan atas permintaan khas antaranya kolaborasi bersama Jabatan Penjara Malaysia yang melibatkan Pusat Koreksional Puncak Alam, Selangor dan Pusat Reintegrasi Penghuni Mantin, Negeri Sembilan. Program ini turut dilaksanakan secara khusus bagi pelajar Program Siswa Sulung di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang di mana pelajar yang terlibat merupakan golongan generasi pertama daripada keluarga B40 yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat universiti.

LAMPIRAN

Senarai 15 NADI Yang Terlibat

No	Pusat NADI
1.	NADI Kampung Jaya Sepakat
2.	NADI Kampung Quop
3.	NADI Sibuluh
4.	NADI Kg Stungkor Baru
5.	NADI Nanga Sekuau
6.	NADI Bawang Assan
7.	NADI Song
8.	NADI Meradong
9.	NADI Balingian
10.	NADI Kg Judan
11.	NADI Sungai Plan
12.	NADI Kg Lambir
13.	NADI Pekan Marudi
14.	NADI Bekenu
15.	NADI RPR Bandar Baru Permyjaya

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC & MICROSOFT MALAYSIA